

**NO. SOALAN: 80**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 8 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7924**

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah faktor yang menyebabkan orang muda menyertai ISIL dan langkah Kementerian mencegah trend orang muda tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan penilaian yang telah dibuat, terdapat beberapa faktor yang menjadi pendorong kepada golongan muda untuk terlibat dengan kumpulan gerakan militan *Islamic State* (IS) ini. Antaranya adalah kurangnya didikan asas agama yang tidak berlandaskan Al-Quran dan Sunnah. Di samping itu, kewujudan kumpulan-kumpulan lain yang telah menyalahafsirkan ajaran Islam khususnya mengenai konsep jihad, penghapusan dosa dan jalan mudah menuju ke syurga telah menarik minat mereka untuk menyertai gerakan tersebut. Bahkan, golongan ini juga yakin bahawa hanya kumpulan pengganas militan IS sahaja yang mampu untuk menubuhkan negara Islam sepenuhnya mengikut acuan radikal mereka.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perasaan benci di kalangan masyarakat Islam terhadap negara barat juga adalah merupakan salah satu pendorong kepada golongan ini untuk bertindak berjuang bagi menentang kuasa besar yang dianggap sebagai musuh Islam. Pertubuhan Islam di peringkat antarabangsa telah dianggap gagal oleh mereka dalam melindungi dan mempertahankan nasib negara-negara Islam yang ditindas. Ini secara tidak langsung turut menyemarakkan

**lagi semangat mereka untuk berjuang bersama-sama dengan kumpulan pengganas militan IS ini.**

**Pada masa yang sama, penggunaan platform media sosial secara meluas juga merupakan salah satu faktor dalam penyebaran fahaman dan ideologi perjuangan mereka untuk mempengaruhi dan menarik sokongan serta merekrut anggota baru khususnya golongan muda bagi merealisasikan agenda kumpulan tersebut. Ia diburukkan lagi dengan pengaruh rakan sebaya (*peer group*) yang juga berperanan dalam mempengaruhi golongan ini untuk terlibat sama dalam aktiviti-aktiviti kumpulan ekstremis agama khususnya kumpulan pengganas militan IS.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi membendung pengaruh kumpulan pengganas militan IS daripada terus mempengaruhi golongan muda di negara ini, Kementerian Dalam Negeri telah menggunakan beberapa pendekatan. Antaranya adalah menjalinkan kerjasama dan perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya dengan negara-negara ASEAN melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Hasil daripada perkongsian maklumat tersebut, pihak polis akan membuat pemantauan ke atas nama-nama mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.**

**Pada masa yang sama, Jabatan Imigresen Malaysia juga telah bertindak menyenaraihitamkan nama-nama mereka yang disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan ini dengan memasukkan nama-nama tersebut ke dalam Senarai Saspek (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di pintu masuk seluruh negara.**

**Selain itu, Kementerian juga turut menjalinkan kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menjalankan pelbagai program penerangan. Antara program-program tersebut adalah melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium yang disasarkan kepada golongan-golongan tertentu termasuk orang muda bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahayanya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan.**

**Pada masa yang sama, Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, Kerajaan telah pun menggubal Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ataupun POTA di samping memperkasakan undang-undang sedia ada termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959. Kesemua Rang Undang-undang berkenaan telahpun diluluskan oleh Parlimen pada sesi mesyuarat yang lepas dan Kerajaan akan mewartakan penguatkuasaannya dalam masa terdekat setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Di sini ingin saya mengambil peluang untuk menasihati seluruh rakyat Malaysia agar menghindarkan dari terlibat dengan kumpulan ini. Bagi golongan muda pula suka saya menasihati supaya berhati-hatilah dengan penggunaan media sosial dan gunakanlah kemudahan tersebut untuk tujuan yang berfaedah.**